

# Manfaatkan tempoh PKPB hasil produk untuk jana pendapatan

Kekal di rumah bukan bermakna tidak berbuat apa-apa: Angelyn

Oleh Watt Zacchaeus

**SIBU:** Golongan wanita Dayak di sini khasnya diseru memanfaatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan menghasilkan produk yang boleh menjana pendapatan.

Pengerusi Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Sibuh Angelyn Uchi Maseng berkata, ketika berada di rumah pada tempoh tersebut, selain bersama keluarga, golongan itu digalakkan untuk menghasilkan sesuatu produk, misalnya membuat kek, kuih, kraf tangan dan sebagainya bagi menjana pendapatan sampingan.

“Sebagai wanita, banyak cara untuk kita membantu suami menambah pendapatan.

“Walaupun PKPB atau Sibuh masih berstatus Zon Merah yang menghadkan pergerakan kita, ini tidak bermakna kita harus duduk di rumah tanpa berbuat apa-apa.

“Oleh itu, saya menasihatkan golongan Dayak khususnya yang tinggal di rumah panjang atau di bandar supaya memikirkan sesuatu untuk mencari rezeki ketika PKPB ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyertai program



**ANGELYN**

randau secara maya bersama pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) Dayak serta ahli akademik Dayak di laman sosial Majlis Perbandaran Sibuh (MPS) yang dianjurkan oleh Pengerusinya Clarence Ting, kelmarin.

Turut serta dalam randau itu ialah Ting, Ahli MPS Kaunselor Augustine Merikan, Pengerusi Kesatuan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) Sibuh Chambai Lindong, Profesor Dr Jayum Jawan dari Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Lucy Sebli dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Presiden Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Dato Ir Alice Jawan dan Setiausaha Politik Ketua Menteri Romeo Christopher Tegong.

Randau dalam bahasa

“Walaupun PKPB atau Sibuh masih berstatus Zon Merah yang menghadkan pergerakan kita, ini tidak bermakna kita harus duduk di rumah tanpa berbuat apa-apa.”

Angelyn Uchi Maseng  
Pengerusi SIDS Sibuh

Iban itu berlangsung selama kira-kira dua jam dan dimoderatkan oleh Jayum.

Ia membincangkan langkah-langkah terkini serta pematuan prosedur operasi standard (SOP) bagi pencegahan jangkitan COVID-19 di rumah-rumah panjang serta melibatkan masyarakat Dayak di sini.

Mengulas lanjut, Uchi berkata, mempergiatkan kraf tangan seperti anyaman, tenunan dan sebagainya juga boleh menambah pendapatan dalam jangka masa panjang.

“Walaupun rekanya tidak dapat disiapkan dalam masa sehari atau dua hari, tetapi jika kita bersungguh-sungguh mempergiatkannya sudah tentu ada hasilnya di kemudian hari.

“Pasaran kraf tangan ini juga luas,” ujarnya lagi.

Selain itu, menghasilkan kuih-muih dan kek juga

boleh mendatangkan hasil yang lumayan jika diusahakan dengan serius.

“Kita boleh menjualnya di sekitar kawasan sekeliling tempat tinggal kita atau di rumah panjang sendiri sahaja, sambil mematuhi SOP sedia ada.

“Begitu juga dengan kita yang bercucuk tanam di kebun dan sebagainya, hasilnya juga boleh kita jual di kawasan sendiri sahaja.

“Sekurang-kurangnya, tempoh PKPB ini ada juga pendapatan tambahan kita sekiranya tempoh ini kita manfaatkan sebaik mungkin bagi kerja-kerja berfaedah,” jelasnya.

Uchi mengulas mengenai keluhan golongan wanita Dayak pada tempoh PKPB ini atau pergerakan yang dihadkan pada Zon Merah yang meresahkan golongan tersebut dalam mencari rezeki.